

# 'Doktor' cacing

Diiktiraf pakar rujuk utama dalam kajian mengenai nematode di universiti

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bharian.com.my

**P**EMBABITAN Shamsudin Bojang terhadap kajian mengenai cacing bulat, halus dan cacing perosak atau nematode bermula sebaik dilantik sebagai penolong pegawai sains di Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1983.

Sejak itu, sudah 26 tahun beliau bergelumang dengan cacing halus dan minat terhadap haiwan halus itu sentiasa berkembang, malah kini beliau menjadi satu-satunya pakar rujuk kajian mengenai nematode walaupun bukannya ahli akademik yang bergelar profesor atau memiliki Ijazah Kedoktoran (Phd) dalam bidang berkenaan, di universiti itu.

Bermula hanya sebagai pembantu seorang profesor dalam kajian mengenai cacing berkenaan, Shamsuddin yang kini mempunyai Sarjana Komunikasi sering menjadi tempat rujukan mengenai nematode oleh pelajar dalam dan luar

negara dari pelbagai peringkat pengajian.

Selain bertugas di Makmal Patologi di Fakulti Pertanian, universiti berkenaan, Shamsuddin, 45, sering dipanggil memberi ceramah dan membuat pembentangan kertas kerja mengenai nematode pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sepanjang kerjaya, katanya, beliau pernah diberikan kursus tiga bulan di Imperial College of Science, Technology and Medicine, United Kingdom, berkaitan nematode dan mendapat pengiktirafan daripada Universiti di Belanda hasil pembentangan kertas kerja mengenai cacing halus pada 1993.

Selain membantu kerja profesor dan pegawai sains di universiti, Shamsudin juga mampu melakukan pembedahan terhadap nematode serta mahir mengesan penyakit tumbuhan akibat serangan nematode, malah sering dipanggil agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (Mardi), Jabatan Pertanian serta syarikat swasta. "Syarikat swasta yang me-

ngendalikan padang golf adalah antara yang sering memanggil saya untuk mengesan kerosakan rumput akibat serangan nematode," katanya yang sangat bangga dengan kejayaan hasil didikan pakar nematode, Prof Dr Abdul Rahman Razak yang sudah lapan tahun bersara daripada UPM.

Kata Shamsudin, sejak Prof Abdul Rahman bersara, beliau menjadi rujukan kakitangan dan pelajar dalam kajian mengenai nematode dan kini beliau berhasrat mahu berkongsi pengalaman dan kepakarannya itu dengan pelajar baru.

"Saya rasa perlu ada pelapis dalam kajian mengenai nematode dan berharap ada yang tampil menimba ilmu mengenainya," katanya yang hanya berbekalkan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memulakan kerjayanya di UPM.

Pemegang Bachelor Ekonomi ini berkata, beliau berhasrat melanjutkan dalam pengajian sains, namun peluangnya terhad menyebabkannya mengambil jurusan ekonomi dan komunikasi.



## Profil

### Shamsudin Bojang

**Umur:** 45 tahun  
**Asal:** Sungai Rambai, Melaka  
**Status:** Berkahwin, dua anak (23 tahun dan 17 tahun)  
**Isteri:** Guru

**Pendidikan:**  
Bachelor Ekonomi, UPM  
Sarjana Komunikasi, UPM

Nematode atau cacing halus perosak 'teman' Shamsudin sejak 26 tahun lalu.